

**Oleh ZAINUDDIN AYIP**

LAWATAN empat hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah dan Sarawak, akhir bulan lalu agak singkat, tapi padat dan berfaedah. Banyak pengalaman yang ditimba, malah beliau dapat menyela hati nurani rakyat kedua negeri itu.

Perdana Menteri, diringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasnah bukan melawat untuk makan angin atau membel-belah di Labuan. Sebagai pemimpin negara, ada tugas-tugas penting yang harus dibarengkan atau sekurang-kurangnya diambil perhatian.

Sepanjang lawatan dari 26 hingga 29 Oktober itu, Datuk Seri Dr Mahathir sekurang-kurangnya telah melaksanakan tujuh tugas yang dikira penting untuk mengeratkan lagi hubungan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Tugas-tugas itu ialah:

- Melihat perkembangan terbaru mengenai Pulau Labuan sebelum dijadikan Wilayah Persekutuan dan mendengar taklimat mengenai pelabuhan bebas cukai.
- Meninjau pembinaan Industri Gas Sabah (SGI) di kawasan perindustrian rancangan di Labuan.
- Merasmikan bandar baru Layang-Layangan di Labuan.
- Melawat dan menemui penduduk-penduduk Lawas dan Limbang di Sarawak.

- Merasmikan Masjid Haji Hashim di Sipitang, Sarawak.
- Mengiyatirkan nama nama pekan baru Sabah di Semenanjung dan Sarawak — cantuman dua kampung iaitu Sindumin dan Merapak.
- Berhincang secara tidak rasmi dengan kedua-dua pemimpin kerajaan negeri, Datuk Haris Salleh (Sabah) dan Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud (Sarawak) mengenai pelbagai perkara termasuk perkembangan politik semasa.

Sambutan rakyat Sabah dan Sarawak terhadap Perdana Menteri di luar dugaan. Di Lapangan Terbang Labuan, misalnya beliau disambut dengan penuh meriah dari lapisan masyarakat Sabah. Beberapa pertunjukan kebudayaan dan tari dari suku kaum di persembahkan dan ramal anggota dan pemimpin Barisan Nasional menyambut ketibaannya.

Waktu melawat pekan Lawas, hampir seluruh penduduk pekan itu berkumpul beramai-ramai di padang sekolah untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isteri dengan helikopter.

Bellau dengan senyum dan tanpa mengenal penat terus beraiaman dengan penduduk-penduduk di situ yang berbaris lebih 200 meter. Ini adalah kali kedua Perdana Menteri melawat Lawas. Kali pertama dalam tahun 1976 ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran.

# PM nasihat rakyat ubah corak hidup

melawat Sipitang, Sarawak, sebuah perkampungan nelayan untuk merasmikan masjid baru — Masjid Haji Hashim yang dibina oleh kedua anaknya, Datuk Haji Mohd Yassin dan Datuk Haji Mohd Kasim bersama \$1.5 juta.

Bellau bersama Datuk Patinggi Taib, Datuk Harris dan wakil-wakil rasmi Kerajaan Brunei sembahyang Jumaat di masjid yang boleh memuatkan hampir 2,000 orang itu.

Di sebelah petang, Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Patinggi Taib menaiki landrover yang dipandu oleh Datuk Haris selama setengah jam untuk melawat dua kampung Sindumin dan Merapak

yang akan dican-tumkan. Perdana Menteri mengisytiarkan nama baru bagi kedua kampung itu iaitu Pekan Sahabat, jalinan perahabatan antara rakyat kedua negeri, Sabah dan Sarawak yang akan menggunakan kemudahan asas seperti klinik, sekolah dan balai polis yang sama.

Sepanjang lawatan empat hari itu, Pulau Labuan menarik perhatian Datuk Seri Dr Mahathir. Beliau ingin melihat perkembangan pulau itu dari segi infrastruktur, penduduk, perindustrian dan kelengkapan dan lapangan terbangnya sebelum menjadi Wilayah Persekutuan.

Labuan seluas 88 kilometer persegi kini mempunyai penduduk 35,000

orang. Sebahagian besar penduduk di situ bekerja di pelabuhan, Industri Gas Sabah, kontrak bilangan, berniaga dan bekerja di pejabat-pejabat kerajaan.


Dari tanah besar Sarawak, orang ramai boleh menaiki feri dengan tambak \$5 seorang manakala melalui udara, perjalanan ulang-alik dari Kota Kinabalu hanya ada dua penerbangan sahaja.

Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, Datuk K. S. Fung dalam taklimat kepada Perdana Menteri memberitahu, pelan induk Pulau Labuan telah siap dan pembangunan secara besar-besaran sedang dilakukan secara berperingkat-peringkat.

Lima tempat baru dibangunkan termasuk di pusat perindustrian Rantau-Rancha, Pohon Batu dan perkampungan baru Layang-Layangan, 15 kilometer dari pusat bandar.



SEBAHAGIAN dari projek industri gas Sabah dalam pembinaan.



DATUK Seri Dr Mahathir ketika melawat Lawas.

hingga ke taraf antarabangsa. Kemudahan telefon mencukupi. Kini ada 2,000 talian dan akan ditambah 1,000 talian lagi menjelang dua atau tiga tahun ini. Mahkamah Tengah, Majlis Perbandaran Labuan, Pusat Pelancongan dan tidak kurang 10 bank juga disediakan di pulau kecil yang permata itu.

yang lebih kecil juga disediakan seperti Hotel Victoria yang mempunyai lebih 50 bilik.

Days tarikan Labuan ialah barang-barang yang berharga murah khususnya alat-alat elektrik seperti tv, radio, mini-kompo, video dan gram. Kain batik dan pakaian juga lebih murah dari Semenanjung.

## 'Pemberian Pulau Labuan oleh Kerajaan Sabah kepada Kerajaan Pusat adalah istimewa dan berharga'

Hotel penginapan untuk pelancong juga mencukupi. Hotel terbesar Sri Labuan menawarkan 150 bilik dan menyediakan pelbagai kemudahan seperti teleks, panggilan jauh dan pusat membeli-belah. Berapa hotel lain

kan bandar baru Layang-Layangan, beliau kagum dengan rancangan pertukaran tanah dan rumah kepada penduduk-penduduk tempatan. Kawasan seluas 14 hektar itu kini didiami oleh hampir 1,000 orang.

**Sederhana**  
Rumah-rumah baru disediakan di situ bernilai \$35,000 sebuah rumah deret dua bilik, 96 unit telah diduduki. Rumah banglo juga disediakan, tapi harganya melebihi \$200,000. Tempatnya memang menarik dan nyaman kerana berhampiran pantai.

Tujuh unit kedai juga disediakan di bandar baru itu. Sebuah pasaguan juga dibina iaitu kepunyaan Pertubuhan Borneo Film.

Majlis Perbandaran Labuan juga merancang untuk menyediakan pelbagai kemudahan riadah dalam rancangan perumahan baru itu.

Perdana Menteri berpuas hati dengan perkembangan Labuan yang sederhana itu. Beliau


mensifatkan pemberian pulau itu oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Pusat sebagai peristiwa istimewa dan berharga.

Bellau berhadapan dengan masalah pat memajukan pulau itu selagi disyitikan sebagai Wilayah Persekutuan. Malah, beliau berharap hubungan rakyat kedua negeri itu dengan Semenanjung akan bertambah erat.

Taraf pelabuhan bebas cukai Labuan akan terus dicalonkan. Ini bermakna harga barang-barang di situ akan lebih murah. Ini adalah satu daya tarikan pelancong.

Bagi wartawan Semenanjung yang mengikuti rombongan Perdana Menteri untuk membuat liputan, tiada kata lain yang hendak disampaikan kecuali terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah yang menyambarnya perbelanjaan termasuk penginapan, makan minum dan kemudahan lain.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



PERKAMPUNGAN nelayan di Sipitang.